

PedaTEd' 25: PERTANDINGAN INOVASI
GARIS PANDUAN DAN SYARAT PENYERTAAN

1.0 TEMA DAN SUBTEMA

Tema : Revolusi Digital Penyelidikan dan Inovasi Memacu Pembangunan Masyarakat Madani

Subtema:

- Kepimpinan dalam Pendidikan
- Penyelidikan Pengajaran dan Pembelajaran
- Penilaian Pendidikan
- Pendidikan Karakter
- Inovasi Pedagogi Pendidikan
- Pendidikan Digital
- Bimbingan Kaunseling dan Psikologi

2.0 MAKLUMAT PROGRAM

2.1 Tarikh/Masa/Tempat

Tarikh	:	23 September 2025 hingga 24 September 2025
Masa	:	8.00 pagi hingga 5.00 petang
Tempat	:	Dalam Talian

2.2 Anjuran Penganjur Bersama

- IPG Kampus Sultan Abdul Halim
- IPG Kampus Darulaman
- IPG Kampus Pulau Pinang
- IPG Kampus Perlis
- IPG Kampus Tuanku Bainun

3.0 PENYERTAAN

3.1 Pasukan inovasi yang dipertandingkan terdiri daripada **dua** kategori iaitu:

i. Pensyarah/pengurusan/ staf
ii. Pelajar guru

3.2 Setiap IPG Kampus perlu menghantar **5 pasukan pelajar guru** dan **5 pasukan pensyarah/pengurusan/staf.**

4.0 SYARAT PENERIMAAN

4.1 Inovasi yang dihasilkan hendaklah merupakan **karya asli** penulis dan **belum pernah diterbitkan** dalam apa-apa jua penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya di dalam negara mahupun di luar negara. Walau bagaimanapun, adaptasi penambahbaikan idea sedia ada boleh diterima pakai selagi aspek penambahbaikan tersebut merupakan faktor utama hasil kreativiti.

4.2 Projek inovasi yang dipertandingkan sebelum ini masih boleh menyertai dengan syarat **penambahbaikan** disertakan.

4.3 Panel hakim berhak menolak penyertaan yang dikenal pasti tidak memberikan maklumat yang benar seperti di para 4.2.

4.4 **Poster dan video** inovasi perlu dihantar **semasa pendaftaran** dibuat. Poster dan video hendaklah **mematuhi format** yang ditetapkan.

5.0 FORMAT PERTANDINGAN

5.1 Penyertaan pertandingan adalah terbuka kepada semua pensyarah, staf sokongan dan pelajar guru.

5.2 Penyertaan boleh secara individu atau kumpulan.

5.3 Maksimum **lima (5)** orang bagi pensyarah dan staf sokongan, manakala pelajar guru ialah **empat (4) orang dan seorang** pensyarah pembimbing.

5.4 Setiap penyertaan **WAJIB** mengemukakan **satu (1) poster** dan **satu (1) video persembahan inovasi.**

5.5 Syarat umum **video persembahan** projek inovasi hendaklah:

i. Berdurasi tidak melebihi 5 minit (lebih daripada 5 minit tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian).

ii. Mengandungi **tajuk projek inovasi, nama ahli pasukan dan tema.**

iii. Perlulah menonjolkan aspek-aspek projek inovasi seperti:

- Kreativiti
- Kesignifikan
- Replicability
- Keberkesanan kos
- Kecekapan
- Potensi pelaksanaan

5.6 Syarat khusus penyediaan video persembahan projek inovasi:

- **Belum pernah** diterbitkan atau dipertandingkan di mana-mana platform.
- Hasil karya sendiri dan **asli.** Karya yang diciplak adalah tidak dibenarkan. Sekiranya didapati video yang dihantar adalah bukan karya asli maka penyertaan akan **dibatalkan**.
- Kualiti video dan audio yang **kurang jelas** atau **kurang sesuai** akan menjejaskan pemarkahan.
- Persembahan inovasi perlu dirakam dalam bentuk **video**.

a. berdurasi **5 minit** dan dimuatnaik ke YouTube.

b. Pautan YouTube hendaklah dijana dan berada dalam mod aktif serta *clickable.*

c. Saiz minima video dan resolusi adalah HD 720p (1280x720 pixel resolution).

d. Kos penghasilan video ditanggung oleh peserta sendiri.

e. Sila pastikan tetapan visibility pada YouTube ditukar ke unlisted (untuk tujuan pengadilan pihak juri sahaja).

f. Tuliskan tajuk inovasi, nama kumpulan, nama ahli kumpulan serta nama IPG di ruangan description.

g. **Menggunakan/ memasukkan *backdrop* inovasi rasmi PedaTEd' 25** dalam pembentangan video inovasi.

(https://drive.google.com/file/d/1ze5y89sYgLVk4DM56prpqVTsSdLldSFD/view?usp=sharing)

5.7 Syarat umum poster inovasi hendaklah:

- **Satu (1)** muka surat sahaja
- Format poster dalam bentuk ***pdf***.
- Perlu menonjolkan aspek-aspek berikut:
  - i. Kreativiti
  - ii. Maklumat menarik, jelas dan padat
  - iii. Persembahan

5.8 Tarikh-tarikh penting

PERKARA	TARIKH
Pendaftaran Pertandingan Inovasi (Poster, Laporan & Video Inovasi)	26 Mei 2025 – 25 Ogos 2025
Tutup Pendaftaran Inovasi	25 Ogos 2025
Notis Penerimaan Inovasi	26 Ogos 2025 -28 Ogos 2025
Pemakluman Jadual Selai Inovasi	28 Ogos 2025
Penilaian Pertandingan Inovasi	26 Ogos 2025 - 15 September 2025
Pembentangan Video Inovasi	23 September 2025 – 15 September 2025
Keputusan Inovasi	24 September 2025

5.9 Penilaian adalah **secara dalam talian**.

5.10 Keputusan panel hakim adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

6.0 BAHAN INOVASI

6.1 Pautan bahan inovasi untuk rujukan peserta dalam menyediakan poster dan laporan inovasi.

6.2 Sila rujuk pautan bahan inovasi PedaTEd'25.

https://drive.google.com/drive/folders/1-C251KuQ6sd46xTHUeegcPAYKYhnNivg?usp=drive_link

7.0 PENDAFTARAN PENYERTAAN INOVASI

7.1 **Pautan pendaftaran pensyarah/ pengurusan/ staf**

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeynXUkBeKtzPqoCUxfyk a6tb_wm7jlg4azV41c52ye8AlesA/viewform?usp=header

7.2 **Pautan pendaftaran pelajar**

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScQ1h3jvmqh1510Z5Jt0G8 KL3vZ63flV0zr7cR0caZNyxQyWQ/viewform?usp=header

8.0 LAPORAN INOVASI

8.1 Laporan inovasi **5 muka surat** termasuk rujukan.

8.2 Kandungan laporan seperti berikut:

- Abstrak
- Pengenalan
- Sebelum Inovasi
- Objektif
- Inovasi yang telah dilaksanakan
- Kesimpulan
- Rujukan

8.3 Pautan Laporan inovasi seperti berikut:

a. Laporan inovasi pensyarah/ pengurusan/staf

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSee0f4l_MmA0HpckMEfKhZxWg6mjwgmmREIukKDIMInC2plw/viewform?usp=header

b. Laporan inovasi pelajar

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScKfdGYYm0bUbgxmqBLaU9HrEGmlnU3x8lhEWfWvlS70AZ77g/viewform?usp=header

8.4 Laporan inovasi perlu dihantar sebelum atau pada **25 Ogos 2025** dengan menggunakan **format MS Word**. Sila rujuk dalam pautan bahan inovasi PedaTEd'25.

https://drive.google.com/drive/folders/1-

C251KuQ6sd46xTHUeegcPAYKYhnNivg?usp=drive_link

9.0 HAK CIPTA

Semua laporan inovasi yang diterima akan diterbitkan adalah menjadi hak milik mutlak pihak penganjur. Pihak penganjur berhak menerbitkan semula laporan inovasi terbabit dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah.

10.0 HUBUNGI

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

1. Dr. Aneesha binti Hamid, KJ JPPI IPGK Pulau Pinang (019 4168383)
2. Dr. Hafiah binti Ismail, JPPI, IPGK Pulau Pinang (019 4805527)